

PELUANG KEUSAHAWANAN DI KALANGAN BELIA DI BRUNEI

1. Perubahan minda (*mindset change*) dari semua pihak termasuk institusi kekeluargaan, kerajaan, sektor swasta, NGOs termasuk persatuan-persatuan dan lain-lain dalam mengembangkan keusahawanan di kalangan belia terutama sekali kepada belia-belia itu sendiri.
2. Merealisasikan Penubuhan Yayasan Belia bagi menggalakkan penglibatan belia dalam perkembangan ekonomi yang kukuh dan berlanjutan, seperti yang termaktub di dalam Dasar Belia Negara.
3. Menubuhkan Pusat Keusahawanan Belia di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di dalam memberikan dan membanyakkan latihan keusahawanan, motivasi, keyakinan diri, perkhidmatan mentor, pemantauan, skim inkubator serta bantuan kewangan (*seed money*) termasuk penubuhan Tabung Belia untuk membantu memulakan perniagaan serta bertahan dan berdaya saing.
4. Agensi-agensi terlibat di dalam perkembangan keusahawanan termasuk institusi-institusi kewangan perlu lebih pro-aktif dalam usaha mempermudahkan dalam urusan keusahawanan termasuk menilai semula keperluan jaminan (*collateral*) dalam memberikan pinjaman termasuk juga latihan-latihan berkaitan.
5. Mengurangkan ‘bureaucracy’ dan ‘red-tape’ bagi mengatasi kelambatan proses-proses permohonan dan lain-lain yang berkaitan melalui ‘one-stop agency/centralisation.’

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008
1-3 APRIL 2008
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

6. Polisi-polisi yang berkaitan dengan perkembangan keusahawanan perlu dikaji semula mengikut kesesuaian dan peredaran masa contohnya tawaran (*tender*) diberi keutamaan kepada usahawan muda atau koperasi.
7. Memberikan pengiktirafan dan skim penggalak kepada belia-belia yang berjaya dan cemerlang dalam bidang perniagaan dan perusahaan sebagai galakan bagi mereka dan sebagai contoh atau *role model* kepada belia yang baru berminat dengan keusahawanan.
8. Agensi-agensi awam dan swasta termasuk media massa untuk lebih proaktif dan inovatif di dalam memasarkan produk tempatan di dalam negeri, serantau dan antarabangsa serta memberi sokongan kepada belia untuk menceburkan diri dan bergiat aktif di dalam bidang keusahawanan.
9. Mengemaskini pendidikan formal dan informal bagi menggalakkan sikap berdikari dan belajar kemahiran hidup terutama di dalam bidang keusahawanan.
10. Mewujudkan Pusat Penempatan Sementara (Pusat Inkubator) di tempat yang strategik bagi membantu belia-belia yang baru menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan sebelum mereka membuat perniagaan di luar yang lebih mencabar.
11. Mewujudkan Pusat Perniagaan Belia bagi membantu belia-belia mengembangkan pasaran dan perusahaan mereka.
12. Mengadakan jerayawara ke mukim-mukim dan kampung-kampung bagi meningkatkan kesedaran, motivasi dan memupuk minat belia bagi menceburi bidang keusahawanan seperti usahawan yang berjaya di peringkat tempatan dan serantau.

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008
1-3 APRIL 2008
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

13. Mewujudkan Sekolah Keusahawanan di peringkat awal pendidikan di peringkat menengah bawah mencontohi seperti Sekolah Sukan, Sekolah Persediaan Arab dan Pusat Latihan Tentera.

PERANAN NGO'S DALAM PEMBANGUNAN BELIA DAN NEGARA

- 1) Setiap pembangunan Belia dan Negara tidak harus menepikan unsur 'keBruneian' yang bersandarkan falsafah Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu, Islam dan Beraja.
- 2) Meningkatkan kesedaran dan kepentingan serta kerjasama padu antara NGOs dan kerajaan dalam :
 - i. Mempertahankan dan memelihara jatidiri bangsa
 - ii. Menjaga keamanan dan kesejahteraan
 - iii. Anti-Sosial dan Kriminal
 - iv. Ikut serta dalam pemutus dasar yang sesuai dengan mutu kongres ini 'Suara Kami Masa Depan Kami'.
 - v. Pemedulian dalam semua aspek yang berkebaikan
- 3) Dasar pendidikan bukan sahaja melihat pasaran, perolehan ilmu serta kemahiran, tetapi harus juga seiring dengan pembentukan peribadi orang Brunei yang taat kepada raja, memelihara agama , kesopansantunan dan peka terhadap adat istiadat dan kebudayaan Brunei.

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008
1-3 APRIL 2008
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

- 4) Diwujudkan satu bentuk kerjasama yang optimal antara semua kementerian dalam memberi laluan kepada semua projek belia yang mempunyai nilai murni, pemantapan ekonomi belia, pendidikan, sukan dan kemudahan yang relevan.
- 5) Pembangunan Negara yang seimbang hendaklah menjadi keutamaan iaitu antara pembangunan fizikal dan rohani. Slogan ‘membangun negara bersama Islam’ dianjurkan menjadi lepas-landas pembangunan. Diwujudkan satu proses dalam memelihara lingkungan alam sekitar dan cuaca dalam semua pembangunan.
- 6) Bagi kelancaran pembangunan, pemeliharaan dalam lingkungan alam sekitar dan keseimbangan cuaca haruslah diambil perhatian.
- 7) Mempromosikan, mengembangkan peranan-peranan NGO bagi meningkatkan kefahaman golongan masyarakat melalui jerayawara atau roadshow, website, media massa (slot dalam surat khabar).

PEKERJAAN DAN LATIHAN BELIA

PELAN TINDAKAN - LATIHAN

1. Memperkenalkan sistem pendidikan/kurikulum dalam membentuk golongan belia yang menjuruskan ideology keusahawanan, inovatif dan creative sejak teras belia lagi
2. Menyediakan kemudahan kemudahan peralatan terkini, mempelbagaikan kursus-kursus kemahiran dalam bidang teknikal/vokasional serta menujuhkan Pusat Kemahiran Belia di seluruh daerah
3. Meneroka kursus-kursus baru di pelbagai peringkat yang bertepatan dengan kehendak kepelbagaikan perindustrian serta merangka rancangan lawatan pendedahan singkat untuk belia diluar negara
4. Memperkenalkan sistem Perkhidmatan Kebangsaan (National Service) bagi melatih dan mendedahkan belia kepada kepentingan keselamatan negara, meningkatkan semangat juang dan jati diri
5. Menujuhkan pusat seni (Music & Theatre Centre) yang dapat menyediakan pendidikan asas hingga lanjutan, yang mana diharatkannya dapat melahirkan golongan seni negara serta menujuhkan orkestra kebangsaan
6. Menujuhkan pusat pemedulian belia lepasan sekolah atau lepasan pengajian tinggi yang berperanan memberikan peluang alternatif

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008
1-3 APRIL 2008
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

bagi belia yang kurang berasib baik untuk melanjutkan pelajaran atau mendapatkan pekerjaan

PELAN TINDAKAN - PEKERJAAN

1. Memperluaskan dan mempelbagaikan bidang-bidang perindustrian seperti sektor pertanian, perikanan dan pembuatan
2. Menubuhkan badan untuk menyalurkan dan memantau belia yang berhasrat untuk bekerja diluar Negara
3. Menubuhkan badan pemantauan bagi menjuruskan kebolehan dan kepakaran belia kepada pekerjaan yang bersesuaian supaya pembelajaran belia itu dapat dimenfaatkan sepenuhnya
4. Memperkenalkan sistem kemudahan/atau skim sokongan bantuan kewangan bagi mereka yang berkhidmat di sektor awam
5. Meneliti semula dasar dasar pengambilan pekerja tempatan dan perkhidmatan awam

BELIA DAN MASYARAKAT

KANDUNGAN

- PERMASALAHAN
- AGENDA BANGSA
- PELAN TINDAKAN

PERMASALAHAN

- Belia dan masyarakat adalah komponen yang saling melengkapi; di dalamnya terdapat sistem kehidupan yang merujuk kepada nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan.
- Kadar penglibatan belia dalam pakej penyakit masyarakat semakin meningkat sekaligus merencatkan perancangan sumber manusia.
- Sebagai kelompok sasar, pendedahan belia dengan persekitaran masyarakat tidak dipraktiskan secara berkesan.
- Sistem pengurusan maklumat masih kurang mantap yang mengakibatkan entiti belia dengan entiti lain tidak saling bertukar dan berhubung maklumat.
- Penglibatan belia dalam kerja-kerja kemasyarakatan kurang memberangsangkan di atas sifat-sifat kegiatan yang berkala dan tiada berkesinambungan.

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008

1-3 APRIL 2008

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

- Masyarakat mensasarkan belia sebagai pembawa atau pencetus sekaligus mangsa gejala masyarakat sedangkan ruang interaksi suara belia dengan masyarakat umum agak terbatas dan terpinggir.

AGENDA BANGSA

- Penghayatan falsafah negara, Melayu Islam Beraja
- Memerangi gejala sosial
- Membina belia Brunei cemerlang
- Mencapai matlamat Wawasan 2035

PELAN TINDAKAN

1 – PEMERKASAAN POLISI

- Kefahaman, penghayatan dan pengamalan falsafah negara, MELAYU ISLAM BERAJA (MIB) mesti diperkasakan sebagai landas hidup bermasyarakat.
- Termasuklah dalam hal memantapkan lagi kefahaman orang ramai tentang agama khususnya kefahaman institusi kekeluargaan. (PARENTING SKILLS & COMMUNICATION SKILLS WITH CHILDREN)
- DASAR BELIA NEGARA (DBN) yang diperkenalkan pada tahun 2002 harus dikaji dan disemak semula mengikut peredaran masa agar semua matlamatnya mencapai sasaran dan semua yang di rancang di implementasikan.
- Setiap kegiatan dan penglibatan belia mesti selari dengan dasar-dasar komuniti seperti Dasar Pendidikan Negara, Dasar Kebudayaan Negara, dan

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008

1-3 APRIL 2008

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

Dasar Sukan Negara yang melengkapi dasar-dasar pentadbiran dan pengurusan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

- Setiap projek belia mesti dinilai dan diaudit tentang persediaan, perjalanan pengurusan dan kesannya terhadap belia dan masyarakat umum.

2 – PENGISIAN BINA INSAN

- Pendidikan Kemahiran Hidup (Living Skill) harus diberikan perhatian agar para belia dapat hidup berdikari dan bertanggungjawab.
- Pemantapan organisasi belia dari segi pentadbiran dan pengurusan.
- Pengendalian semua aktiviti aktiviti belia hendaklah seiring dengan falsafah Negara. (CONTOHNYA : MENCERAIKAN LELAKI DAN PEREMPUAN DI DALAM AKTIVITI AKTIVITI BELIA MENGIKUT KESESUAIAN)
- Memantapkan tahap pemedulian masyarakat dalam kalangan belia agar dapat mewujudkan belia lebih prihatin.
- Menggalakkan penglibatan belia dalam perkhidmatan masyarakat secara lebih bertanggungjawab bukan sekadar hanya ikut serta atau terpaksa.
- Memberikan tanggungjawab yang lebih besar dalam sesuatu pelaksanaan aktiviti dengan di sokong atau di dorong oleh mereka yang lebih berkemahiran dan berpengalaman.
- Menyediakan zon interaktif belia (*youth social centre*) untuk menganjurkan pelbagai aktiviti / kegiatan belia di lokasi yang strategik. (CONTOHNYA : yang terdapat didalamnya slogan-slogan, pesanan-pesanan yang positif untuk membangkitkan kesedaran akan bahaya bahaya penyakit sosial).

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008

1-3 APRIL 2008

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

- Projek Belia Cintakan Tanah Air perlu di susun semula agar dapat dijadikan landasan (platform) pemantapan kerja kerja kemasyarakatan sekaligus mengarah kepada pembinaan jati diri dan pembangunan Negara bangsa.
- Dalam isu kurangnya kepercayaan ibubapa dalam aktiviti aktiviti belia, kami telah mencadangkan agar sebahagian dari aktiviti aktiviti belia yang dijalankan bolehlah dibuat dengan berbentuk kekeluargaan.

3 – PENYEBARAN MAKLUMAT

- Memanfaatkan komunikasi media massa dengan memberikan ruang liputan berita belia dalam media cetak dan media elektronik.
- Memanfaatkan komunikasi media iklan dengan menyediakan ruang pesanan khidmat masyarakat secara bertaja atau percuma. (CONTOHNYA : Billboard atau Bigscreen Wayang)
- Memanfaatkan komunikasi media interaktif dengan menyediakan laman sawang, blog dan ruang bual maya yang bertindak sebagai penyalur maklumat dan nasihat.
- Memanfaatkan komunikasi media telekomunikasi dengan memberikan ruang penyaluran maklumat dan pesanan khidmat masyarakat dalam bentuk khidmat pesanan ringkas (SMS).
- Memanfaatkan komunikasi interpersonal melalui program jerayawara di zon-zon aktif belia seperti di MASJID, PUSAT PUSAT MEMBELI BELAH, TAMAN-TAMAN REKREASI dan sebagainya).
- Mengadakan KIOSK BELIA yang sentiasa di kemaskini setiap masa dan diletakkan di tempat-tempat yang strategik. (CONTOHNYA : Kiosk Belia boleh

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008

1-3 APRIL 2008

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

di bagi kepada 3 bahagian, iaitu STATIK, INTERAKTIF dan BERBENTUK KAUNTER dimana belia boleh memberikan input serta output dalam semua aktiviti aktiviti belia termasuklah dalam hal ehwal pengurusan).

4 – PENGIFTIRAFAN

- Memberikan Anugerah Khas kepada belia yang cemerlang dalam pelbagai bidang kerjaya dan kegiatan dengan memberikan insentif berbentuk kewangan, material dan biasiswa.
- Memilih tokoh belia yang boleh dijadikan idola dan ikon belia.

BELIA DAN KEPIIMPINAN

1. Mewujudkan parlimen belia untuk melantik wakil belia di dalam majlis mesyuarat negara.

Ini adalah untuk memberi peluang kepada belia-belia untuk memberikan buah fikiran dan memperkasa jati diri. Juga untuk melantik wakil ke organisasi-organisasi antarabangsa seperti ASEAN, UN dan OIC, seperti yang telah dibuat oleh Commonwealth Youth Programme.

Pelan Tindakan:

- Penyelidikan yang terperinci tentang keperluan dalam penubuhannya
2. Peruntukan khas untuk pembangunan program belia

Ini adalah untuk memastikan bahawa program-program belia dapat berjalan dengan lancar dan sempurna

Pelan Tindakan:

- mempercepatkan dan mempermudahkan proses untuk pembiayaan program belia
3. Meningkatkan lagi peranan pihak kerajaan dan NGOs untuk memantapkan kepimpinan belia

Untuk memastikan yang belia-belia mendapat ilmu kepimpinan yang tinggi mengikut peredaran masa

KONGRESS BELIA KEBANGSAAN 2008
1-3 APRIL 2008
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

Pelan Tindakan:

- Memperbanyakkan aktiviti dan program inovatif dan kreatif dan menepati citarasa belia pada masa ini
4. Mewujudkan perkhidmatan kerja sosial di institusi pengajian (school social workers) untuk menangani isu-isu dan kebajikan penuntut

Untuk membantu belia-belia atau penuntut yang mempunyai masalah untuk mendapat pmedulian yang lebih meluas

Pelan Tindakan:

- Memperkembangkan profesion kerja sosial dan memperbanyakkan bilangan pekerja sosial yang bertauliah dan terlatih
5. Menjadikan ‘pekerja belia’ atau pun youth workers yang di dalam persatuan-persatuan sebagai satu profesion

untuk meningkatkan semangat belia-belia menyertai persatuan-persatuan dan organisasi belia dan memastikan yg pekerjaan mereka mendatangkan hasil serta kpimpinan dan pekerjaan mereka adalah professional

Pelan Tindakan:

- menyediakan jawatan khusus untuk mereka dan memberikan latihan-latihan yang professional untuk mereka